

Pembelajaran Bahasa Arab Bagi Penutur Bukan Jati Menerusi Modul Debat
[Arabic Language Learning for Non-Native Speakers through a Debate Module]

Mohd Ikhwan Abdullah

*AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences,
International Islamic University Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia,
mohdikhwan@iium.edu.my*

Mohd Shahrizal Nasir (Corresponding author)

*Faculty of Languages and Communication, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala
Nerus, Terengganu, Malaysia, mohdshahrizal@unisza.edu.my*

Ku Mohd Syarbaini Ku Yaacob

*Faculty of Islamic Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),
02600 Perlis, Malaysia, syarbaini@unisiraj.edu.my*

Nur Hadirah Hanim Abu Bakar

*Maahad Tahfiz Integrasi Sains Madinatul Huffaz, Jalan 1/10 Kg. Lembah Melewar, 68100
Gombak, Kuala Lumpur, hadirahhanim@gmail.com*

Mohamad Ikmal Hakimi Mohamad Helni

*AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences,
International Islamic University Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia,
ikmalhakimi@iium.edu.my*

Article

Progress:

Submission date:

20-11-2025

Accepted date:

15-12-2025

ABSTRACT

Arabic is one of the world's major languages and is used in various domains at the global level. The importance of mastering Arabic is evident across multiple fields, including education, economics, culture, and religion. One effective method for developing proficiency in Arabic is through debate activities. This article aims to examine perceptions of Arabic language mastery among non-native speakers using a debate-based learning module. The study employed descriptive quantitative design and was conducted using an online questionnaire involving a total of 318 respondents. The questionnaire served as the primary research instrument. The findings indicate that most respondents provided positive feedback regarding the need to develop an Arabic language learning module grounded in debate activities. The results further suggest that a well-designed debate-based module can enhance students' interest in mastering Arabic, particularly in relation to speaking skills. In addition, the module content should emphasise contemporary learning elements,

such as the use of infographics and interactive features, to ensure the development of a high-quality learning module.

Keywords: *Arabic language, Arabic debate module, non-native speakers, debate activities, speaking skills*

PENDAHULUAN

Bahasa Arab merupakan antara bahasa utama dunia yang memiliki kedudukan signifikan dalam bidang keagamaan, pendidikan, dan peradaban ilmu. Dalam konteks pendidikan tinggi, khususnya di institusi yang menawarkan pengajian Islam dan bahasa Arab, penguasaan bahasa Arab menjadi prasyarat penting bagi memahami sumber-sumber primer seperti al-Quran, al-Hadis serta karya-karya turath Islam. Namun demikian, bagi penutur bukan jati, bahasa Arab sering dianggap sebagai bahasa yang sukar dikuasai, terutamanya dari sudut kemahiran komunikasi lisan dan penggunaan bahasa secara aktif dalam komunikasi.

Penguasaan kemahiran komunikasi yang berkesan dalam bahasa asing dapat dipertingkatkan sekiranya pelajar diberikan lebih banyak peluang untuk bertutur dan berinteraksi secara aktif dalam bilik darjah. Allwright (1984) menyatakan bahawa latihan komunikasi dalam konteks kelas pengajian memberikan sumbangan yang signifikan terhadap keupayaan pelajar menggunakan bahasa yang dipelajari dalam situasi sebenar. Dalam hal ini, komunikasi merujuk kepada pertukaran ujaran yang bersifat dua hala antara guru dan pelajar, yang membolehkan kedua-dua pihak saling bertukar peranan sebagai penutur dan pendengar.

Menurut Kaseh, Nur Adibah dan Atiyah (2021), guru atau pengajar perlu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang membolehkan pelajar mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa sosial dan komunikatif, bukan sekadar melalui hafalan tatabahasa dan kosa kata semata-mata. Tu'aymah (2004) memperkenalkan konsep situasi komunikatif, iaitu kelas pembelajaran berfungsi sebagai medan latihan bahasa, yang menyediakan latihan awal sebelum seseorang berhadapan dengan persekitaran yang terbuka.

Seiring dengan perkembangan pedagogi bahasa moden, pendekatan pengajaran bahasa asing tidak lagi terhad kepada penguasaan tatabahasa dan hafalan kosa kata sahaja, sebaliknya menekankan penggunaan bahasa dalam konteks autentik dan bermakna. Pendekatan komunikatif dan pembelajaran berasaskan tugas didapati lebih berkesan dalam membantu pelajar menguasai bahasa sasaran secara holistik (Kaseh, Nur Adibah & Atiyah, 2021). Dalam hal ini, aktiviti debat muncul sebagai satu pendekatan pedagogi yang berpotensi besar kerana

menggabungkan penggunaan bahasa, kemahiran berfikir kritis, serta keupayaan berhujah secara sistematik.

Penggunaan modul debat dalam pembelajaran bahasa Arab bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran bertutur, malah mampu membina keyakinan diri pelajar serta memperkayakan penguasaan kosa kata dan struktur ayat dalam konteks akademik. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti peranan modul debat sebagai medium alternatif dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan penutur bukan jati.

PERMASALAHAN KAJIAN

Walaupun bahasa Arab diajar secara formal di pelbagai peringkat pendidikan, tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan penutur bukan jati, khususnya dari aspek kemahiran bertutur, masih berada pada tahap yang sederhana dan kurang memuaskan. Banyak kajian menunjukkan bahawa pelajar cenderung menguasai bahasa Arab secara pasif, iaitu mampu memahami teks dan peraturan tatabahasa, namun gagal mengaplikasikannya dalam situasi komunikasi sebenar (Abdul Hamid, 2015; al-Khuli, 2000).

Antara faktor utama yang menyumbang kepada masalah ini ialah pendekatan pengajaran yang terlalu berorientasikan guru, penekanan berlebihan terhadap aspek teori, serta kekurangan aktiviti lisan yang mencabar dan bersifat autentik. Pelajar jarang diberi peluang untuk berfikir secara kritis, menyusun hujah, dan menyampaikan pandangan dalam bahasa Arab secara terancang. Keadaan ini menyebabkan tahap keyakinan pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab menjadi rendah, sekali gus menjejaskan penguasaan bahasa secara menyeluruh.

Debat dilihat sebagai antara medium pembelajaran bahasa Arab yang mampu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab khususnya melibatkan bukan penutur jati. Ini kerana aktiviti debat memerlukan penguasaan pelbagai corak bahasa seperti bahasa persuasif, perbandingan, afirmatif, negatif dan sebagainya (Mohd Ikhwan, Nur Hadirah, Mohd Shahrizal et al., 2025). Kebanyakan pendebat bukan penutur jati boleh bertutur dalam bahasa Arab dengan lancar semasa berdebat. Walaupun lancar, laras bahasa yang mereka ujarkan kadangkala tidak menepati penggunaan penutur jati. Hal ini boleh menimbulkan masalah apabila mereka berdebat dengan penutur asli (Abdullah, Fitriyana & Alfian, 2021).

Dalam bidang pengajaran bahasa untuk tujuan khusus, masih belum terdapat modul yang direka khusus untuk tujuan perdebatan. Oleh itu, satu kursus bahasa Arab untuk tujuan khusus dalam perdebatan amat diperlukan untuk mewujudkan modul sistematik yang mampu meningkatkan kecekapan komunikatif dan kecekapan linguistik pendebat. Pada ketika ini, modul pembelajaran bahasa Arab yang sedia ada didapati kurang memberi penekanan terhadap

aktiviti komunikasi aras tinggi yang mengintegrasikan kemahiran bahasa dengan pemikiran kritis menerusi pendekatan debat. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk membangun dan menilai satu pendekatan pengajaran yang lebih dinamik dan berkesan, seperti modul debat, bagi menangani kelemahan ini dan meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan penutur bukan jati.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur menunjukkan bahawa penguasaan bahasa kedua atau bahasa asing menuntut penggunaan pendekatan yang menekankan interaksi, komunikasi, dan penglibatan aktif pelajar. Pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa didapati mampu meningkatkan kecekapan bertutur, kefasihan, serta keyakinan pelajar dalam menggunakan bahasa sasaran (Richards & Rodgers, 2014). Dalam konteks pengajaran bahasa Arab, kajian turut mendapati bahawa aktiviti komunikasi lisan seperti perbincangan dan simulasi berkesan dalam mempertingkatkan penguasaan kosa kata dan struktur ayat (Harun & Zawawi, 2018).

Debat sebagai strategi pedagogi telah banyak dikaji dalam bidang pendidikan bahasa asing. Kajian menunjukkan bahawa debat membantu pelajar mengembangkan kemahiran berfikir kritis, keupayaan berhujah secara logik, serta kemahiran komunikasi lisan dan tulisan (Kennedy, 2007; Snider & Schnurer, 2002). Melalui debat, pelajar didorong untuk menggunakan bahasa secara aktif dalam situasi formal dan akademik, sekali gus meningkatkan penguasaan bahasa pada tahap yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, kajian yang memfokuskan penggunaan modul debat secara khusus dalam pengajaran bahasa Arab kepada penutur bukan jati masih terhad. Kebanyakan kajian sedia ada lebih tertumpu kepada bahasa Inggeris atau bahasa asing lain. Kekurangan kajian ini menunjukkan adanya jurang penyelidikan yang wajar diterokai, khususnya dalam konteks pembangunan modul debat yang sistematik dan sesuai dengan keperluan pembelajaran bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengayaan literatur sedia ada serta menawarkan implikasi praktikal terhadap inovasi pedagogi bahasa Arab.

OBJEKTIF KAJIAN

Debat bahasa Arab merupakan antara pendekatan dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Ini khususnya melibatkan aspek kemahiran bertutur yang sememangnya merupakan antara komponen penting dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Justeru, pelajar terutama daripada kalangan bukan penutur jati perlu memanfaatkan debat bahasa Arab sebagai satu platform untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam diri. Kajian ini akan membangunkan modul

pembelajaran bahasa Arab berasaskan debat bahasa Arab untuk pelajar daripada kalangan bukan penutur jati.

Soal selidik ini bertujuan mendapat respons pelajar berkaitan keperluan membangunkan modul debat bahasa Arab bagi tujuan pembelajaran bahasa Arab. Soal selidik ini melibatkan enam (6) perkara, iaitu (i) Demografi Responden, (ii) Persepsi Berkaitan Debat Bahasa Arab, (iii) Isu dan Permasalahan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Debat, (iv) Keperluan Penggunaan Modul Debat Bahasa Arab, (v) Kecenderungan Menggunakan Modul Debat dalam Pembelajaran Bahasa Arab, dan (vi) Reka Bentuk Modul Debat Bahasa Arab. Objektif kajian ini adalah sepertimana berikut:

- a) Mengetahui pasti persepsi pelajar berkaitan debat bahasa Arab.
- b) Mengetahui pasti permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Arab menerusi debat.
- c) Mengetahui pasti keperluan penggunaan modul debat bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati.
- d) Mengetahui pasti kecenderungan pelajar dalam menggunakan modul debat dalam pembelajaran bahasa Arab.
- e) Mengetahui pasti cadangan reka bentuk modul debat bahasa Arab.

METODOLOGI

Metodologi merujuk kaedah sesuatu penyelidikan dijalankan dengan mengikut tatacara yang betul bagi mencapai objektif kajian. Hal ini melibatkan perancangan yang teliti agar dapat membantu dan memudahkan data dan maklumat penyelidikan dikumpul, dianalisis dan seterusnya dinilai bagi menghasilkan keputusan kajian diperolehi yang berkualiti dan berimpak tinggi. Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang melibatkan borang soal selidik. Soal selidik ini dijalankan secara dalam talian. Pembukaan borang kajian soal selidik secara atas talian mengambil masa selama dua minggu. Kaji selidik ini dijalankan dalam bahasa Melayu memandangkan sasaran responden adalah dalam kalangan pelajar di tiga (3) buah institusi pengajian tinggi di Malaysia iaitu Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Setelah tempoh masa yang ditetapkan untuk mengumpul data tamat, kajian soal selidik ini melibatkan seramai 318 orang responden.

Borang soal selidik kajian ini terdiri daripada enam (6) bahagian. Bahagian A melibatkan latar belakang responden sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual 1. Untuk Bahagian B hingga Bahagian F, skala Likert lima (5) tahap digunakan bagi mendapat maklum balas responden

berkenaan pembelajaran bahasa Arab menerusi modul debat bahasa Arab. Lima (5) skala Likert yang digunakan ialah 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat setuju. Berikut ialah enam (6) bahagian borang soal selidik kajian yang dinyatakan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Rumusan Soal Selidik Analisis Keperluan

Bahagian	Konstruk
A	Demografi Responden 1) Jantina 2) Tempat pengajian 3) Bidang pengajian 4) Tahap pengajian 5) Penglibatan dalam debat bahasa Arab 6) Tempoh penglibatan dalam debat bahasa Arab 7) Tahap kemahiran bahasa Arab (Mendengar, Membaca, Menulis, Bertutur) 8) Keputusan Bahasa Arab Sijil Pelajaran Malaysia
B	Persepsi Berkaitan Debat Bahasa Arab
C	Isu dan Permasalahan Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat
D	Keperluan Menggunakan Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat
E	Kecenderungan Penggunaan Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat
F	Cadangan Reka Bentuk Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

Analisis demografi responden menunjukkan sejumlah 318 orang responden yang terdiri daripada pelbagai latar belakang terlibat dalam kajian ini. Berikut dinyatakan maklumat berkaitan responden kajian.

Jadual 2: Demografi Responden

Item	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	85	26.7
	Perempuan	233	73.3
Tempat pengajian	Universiti Islam	94	29.6
	Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)		
	Universiti Islam	111	34.9
	Antarabangsa Malaysia (UIAM)	113	35.5

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)			
Bidang pengajian	Pengajian Islam	134	42.1
	Sains Kemanusiaan	0	0
	Bahasa dan Kesusasteraan	160	50.3
	Undang-Undang	4	1.3
	Lain-lain	20	6.3
Tahap pengajian	Asasi	81	25.5
	Diploma	26	8.2
	Ijazah Sarjana Muda	211	66.4
Penglibatan dalam Debat Bahasa Arab	Kelab/Persatuan Debat Bahasa Arab	121	38.1
	Mewakili institusi pendidikan (sekolah/kolej/universiti) dalam pertandingan debat	17	5.3
	Salah satu kursus dalam bidang pengajian	127	39.9
	Pilihan sendiri/minat	53	16.7
	Tidak berkenaan/Tidak pernah terlibat	0	0
Tempoh penglibatan dalam Debat Bahasa Arab	Kurang 1 tahun	282	88.7
	2-3 tahun	23	7.2
	Lebih 3 tahun	13	4.1

Jadual 2 menunjukkan maklumat responden berkaitan jantina yang mencatat jumlah responden perempuan sebanyak 73.3% iaitu 233 orang melebihi jumlah responden lelaki iaitu mencatat 26.7% atau 85 orang sahaja. Berkaitan dengan tempat pengajian responden pula, kajian ini melibatkan tiga buah institusi pengajian tinggi di Malaysia iaitu Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Bilangan responden dari UniSZA mencatat jumlah paling ramai iaitu 113 orang (35.5%), diikuti responden dari UIAM seramai 111 orang (34.9%), seterusnya responden dari UniSIRAJ seramai 94 orang (29.6%). Jumlah ini dilihat mencukupi untuk kajian ini memandangkan kajian bertujuan mengenal pasti persepsi responden berkaitan pembelajaran bahasa Arab melibatkan modul debat bahasa Arab.

Dari segi bidang pengajian pula, Jadual 2 menunjukkan bahawa majoriti responden daripada bidang Bahasa dan Kesusasteraan seramai 150 orang (50.3%). Seterusnya responden kedua tertinggi daripada bidang Pengajian Islam iaitu seramai 134 orang (42.1%). Manakala bidang-bidang lain tidak menandingi peratus penglibatan responden daripada dua bidang tersebut iaitu Bahasa dan Kesusasteraan serta Pengajian Islam. Hal ini jelas disebabkan ketiga-tiga institusi yang terlibat dengan kajian ini sememangnya memberi fokus kepada kedua-dua

bidang sebagai antara bidang pengajian yang diberi keutamaan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Selain itu, rata-rata responden terdiri daripada mahasiswa universiti yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan peratus tertinggi iaitu sebanyak 66.4% berbanding dengan tahap pengajian lain.

Data yang ditunjukkan dalam Jadual 2 juga menyatakan bahawa majoriti responden terlibat dengan debat sebagai salah satu kursus atau subjek dalam bidang pengajian mereka. Ini membuktikan bahawa majoriti responden mempunyai perkaitan rapat dengan aktiviti debat memandangkan ia merupakan subjek pembelajaran yang diikuti oleh pelajar. Hal ini mewajarkan data-data responden dijadikan bahan utama kajian bagi melihat pandangan mereka berkenaan pembelajaran dan penguasaan bahasa Arab melibatkan aktiviti debat. Data juga menunjukkan bahawa ramai responden terlibat dengan debat sebagai ahli persatuan berkaitan debat. Dapatan ini juga menunjukkan tahap komitmen yang tinggi para responden terhadap aktiviti debat memandangkan penyertaan dalam kelab atau persatuan debat bukan merupakan perkara yang wajib pada peringkat pengajian di institusi pengajian tinggi.

Daripada soal selidik yang dijalankan bagi mengenal pasti persepsi responden yang terdiri daripada pelajar bagi tiga (3) buah institusi pengajian tinggi melibatkan aktiviti debat, beberapa keputusan analisis dapat dilihat sebagai petunjuk bagi mencapai objektif kajian. Seterusnya perbahasan dalam bahagian ini akan dilanjutkan mengenai lima (5) perkara iaitu (i) Persepsi Berkaitan Debat Bahasa Arab, (ii) Isu dan Permasalahan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Debat, (iii) Keperluan Penggunaan Modul Debat Bahasa Arab, (iv) Kecenderungan Menggunakan Modul Debat dalam Pembelajaran Bahasa Arab, dan (v) Reka Bentuk Modul Debat Bahasa Arab.

Persepsi Berkaitan Debat Bahasa Arab

Jadual 3 berikut memaparkan data-data daripada responden kajian melibatkan sepuluh (10) pernyataan atau item berkaitan persepsi mereka berkaitan debat dalam bahasa Arab.

Jadual 3: Persepsi Berkaitan Debat Bahasa Arab

Pernyataan/Item	Kekerapan dan Peratus				
	1 Sangat tidak setuju	2 Tidak setuju	3 Tidak pasti	4 Setuju	5 Sangat setuju
1) Saya meminati aktiviti debat bahasa Arab.	9 (2.8%)	27 (8.5%)	101 (31.8%)	126 (39.6%)	55 (17.3%)
2) Saya mengikuti pertandingan debat	72 (22.6%)	77 (24.2%)	92 (28.9%)	59 (18.6%)	18 (5.7%)

bahasa Arab yang diadakan pada pelbagai peringkat.						
3) Saya mengambil peluang untuk terlibat dalam kelas debat bahasa Arab.	35 (11.0%)	52 (16.4%)	75 (23.6%)	111 (34.9%)	45 (14.2%)	
4) Saya menjadikan aktiviti debat bahasa Arab sebagai platform untuk menguasai bahasa Arab.	25 (7.9%)	34 (10.7%)	86 (27.0%)	114 (35.8%)	59 (18.6%)	
5) Saya mencari rakaman video pertandingan debat bahasa Arab untuk mendapat input bahasa Arab.	32 (10.1%)	41 (12.9%)	82 (25.8%)	119 (37.4%)	44 (13.8%)	
6) Saya mengambil peluang untuk menjadi pendebat bahasa Arab dalam pertandingan.	45 (14.2%)	62 (19.5%)	119 (37.4%)	60 (18.9%)	32 (10.1%)	
7) Saya membuat catatan berkaitan bahasa Arab daripada pertandingan debat yang diikuti.	34 (10.7%)	51 (16.0%)	101 (31.8%)	97 (30.5%)	35 (11.0%)	
8) Saya mendapat motivasi untuk terus memperbaiki penguasaan bahasa Arab selepas terlibat dengan aktiviti debat.	21 (6.6%)	26 (8.2%)	86 (27.0%)	118 (37.1%)	67 (21.1%)	
9) Saya lebih menguasai kemahiran berbahasa Arab selepas terlibat dalam debat Bahasa Arab (Kemahiran Berbahasa: Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis).	24 (7.5%)	27 (8.5%)	98 (30.8%)	120 (37.7%)	49 (15.4%)	
10) Saya mencari maklumat asas tentang debat bahasa Arab dalam Internet. (Contohnya: Format, Cara, Strategi, Bahasa Debat dan lain-lain).	23 (7.2%)	30 (9.4%)	78 (24.5%)	127 (39.9%)	59 (18.6%)	

Berdasarkan dapatan soal selidik yang dinyatakan dalam Jadual 3, minat responden terhadap pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab melibatkan debat berada pada tahap yang tinggi dan baik. Item 1 memberi petunjuk jelas bahawa para responden berminat dengan aktiviti debat bahasa Arab. Hanya 36 orang (11.3%) responden yang “tidak bersetuju” dan “sangat tidak bersetuju” dengan pernyataan tersebut. Majoriti responden juga menyatakan bahawa mereka mengambil peluang untuk terlibat dalam kelas debat bahasa Arab. Item 3 mencatatkan seramai 45 orang (14.2%) memilih “sangat setuju” dengan pernyataan bahawa mereka mengambil peluang untuk terlibat dengan kelas serta aktiviti debat bahasa Arab, dan seramai 111 (34.9%) responden menyatakan “setuju” dengan pernyataan tersebut.

Minat terhadap kelas dan aktiviti debat bahasa Arab dilihat sebagai perkara penting dalam usaha penghasilan modul debat bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati. Kajian Ashinida (2012) menunjukkan para pelajar menunjukkan tahap motivasi yang tinggi untuk terus bertutur dalam bahasa Arab dengan usaha mereka menggunakan strategi pencapaian bagi mengatasi masalah yang mereka hadapi ketika bertutur. Hal ini turut dibuktikan dengan dapatan Item 4 yang menunjukkan 173 responden (54.4%) iaitu melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan responden yang memilih “sangat setuju” dan “setuju” dengan pernyataan mereka menjadikan aktiviti debat bahasa Arab sebagai platform untuk menguasai bahasa Arab. Ini membuktikan bahawa aktiviti debat dijadikan salah satu medium untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab, seterusnya menunjukkan tahap motivasi responden yang tinggi untuk bertutur dalam bahasa Arab. Hal ini turut dijadikan asas penting oleh Rosni et al. (2013) yang menggesa agar pelajar hendaklah didedahkan dengan strategi komunikasi yang tepat supaya mereka dapat menggunakannya ketika perlu dalam interaksi bahasa Arab. Debat bahasa Arab dilihat sebagai salah satu strategi komunikasi yang dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati.

Motivasi pelajar dalam usaha menguasai bahasa Arab juga dilihat berada pada tahap tinggi menerusi dapatan pada Item 8 yang menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 185 orang (58.2%) memilih jawapan “sangat setuju” dan “setuju” bahawa mereka mendapat motivasi untuk terus memperbaiki penguasaan bahasa Arab selepas terlibat dengan aktiviti debat. Hal ini dapat dikaitkan dengan usaha pembelajaran sendiri dengan pelajar dapat memperbaiki kelemahan diri dalam mempelajari bahasa Arab tanpa bantuan guru atau pengajar. Perkara ini berdasarkan kenyataan bahawa pelajar yang mengamalkan pembelajaran sendiri dapat meningkatkan prestasi akademik mereka (Panadero & Alonso-Tapia, 2014; Pintrich, 2000; Melissa, 2010; Zimmerman, 1990).

Isu dan Permasalahan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Debat

Jadual 4 berikut memaparkan data-data daripada responden kajian melibatkan sepuluh (10) pernyataan atau item berkaitan isu dan permasalahan dalam pembelajaran bahasa Arab melalui aktiviti debat.

Jadual 4: Isu dan Permasalahan Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat

Pernyataan/Item	Kekerapan dan Peratus				
	1 Sangat tidak setuju	2 Tidak setuju	3 Tidak pasti	4 Setuju	5 Sangat setuju
1) Lambakan kosa kata baharu bahasa Arab yang perlu diketahui dalam debat Bahasa Arab.	5 (1.6%)	20 (6.3%)	57 (17.9%)	121 (38.1%)	115 (36.2%)
2) Kesukaran memahami makna keseluruhan ungkapan dalam debat bahasa Arab sehingga perlu meneka makna.	7 (2.2%)	20 (6.3%)	67 (21.2%)	128 (40.3%)	96 (30.2%)
3) Terdapat pelbagai versi ungkapan asas berkaitan debat yang digunakan oleh pendebat Bahasa Arab. (seperti ungkapan definisi, bidasan, kesimpulan dan lain-lain).	4 (1.3%)	17 (5.3%)	64 (20.1%)	142 (44.7%)	91 (28.6%)
4) Panduan berkaitan debat bahasa Arab dalam pasaran adalah terhad.	10 (3.1%)	32 (10.1%)	97 (30.5%)	117 (36.8%)	62 (19.5%)
5) Kaedah imitasi (mengajuk/meniru) ungkapan bahasa Arab tidak dimanfaatkan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab.	17 (5.3%)	33 (10.4%)	112 (35.2%)	98 (30.8%)	58 (18.2%)
6) Terlalu banyak istilah kontemporari melibatkan pelbagai bidang dalam debat bahasa Arab.	7 (2.2%)	23 (7.2%)	104 (32.7%)	110 (34.6%)	74 (23.3%)
7) Sebutan bahasa Arab masih belum dapat	22 (6.9%)	56 (17.6%)	98 (30.8%)	94 (29.6%)	48 (15.1%)

	diperbaiki walaupun selepas mengikuti pertandingan debat.					
8)	Tiada buku rujukan berkaitan bahasa Arab bagi tujuan debat yang komprehensif di pasaran.	21 (6.6%)	53 (16.7%)	102 (32.1%)	88 (27.7%)	54 (17.0%)
9)	Ungkapan asas dalam debat bahasa Arab perlu dihimpunkan untuk dijadikan rujukan lengkap.	4 (1.3%)	19 (6.0%)	62 (19.5%)	125 (39.3%)	108 (34.0%)
10)	Kesalahan yang dilakukan oleh pendebat dalam debat bahasa Arab yang menjadi ikutan menjadikan penggunaannya sukar diperbaiki.	12 (3.8%)	16 (5.0%)	62 (19.5%)	134 (42.1%)	94 (29.6%)

Jadual 4 memaparkan dapatan soal selidik berkenaan isu dan permasalahan dalam pembelajaran bahasa Arab melalui aktiviti debat. Fokus diberikan terhadap perkara-perkara yang dilihat sebagai cabaran bagi pelajar dalam proses penguasaan bahasa Arab menerusi debat. Item 1 menunjukkan seramai 236 orang responden atau 74.3% menyatakan “sangat setuju” dan “setuju” tentang lambakan kosa kata baharu bahasa Arab yang perlu diketahui dalam debat bahasa Arab. Ini merupakan cabaran besar kerana aktiviti debat biasanya melibatkan isu-isu semasa yang memerlukan penggunaan kosa kata baharu.

Kripps (2013) menyatakan bahawa permasalahan pengetahuan makna kosa kata merupakan salah satu cabaran terbesar kepada pelajar yang mempelajari dan menguasai bahasa asing. Hasnurol, Kaseh dan Maheram (2020) turut menyatakan kelemahan memahami makna kosa kata dalam kalangan pelajar menyebabkan mereka tidak memahami pertuturan yang didengar dan tidak dapat mengungkapkan maksud sebenar perkataan tersebut apatah lagi menulis mengenainya. Kekangan berkaitan kosa kata juga dinyatakan dalam dapatan bagi Item 6 dengan seramai 184 responden (57.9%) memilih “sangat bersetuju” dan “bersetuju” bahawa terlalu banyak istilah kontemporari melibatkan pelbagai bidang dalam debat bahasa Arab. Realitinya, penguasaan kosa kata bahasa Arab sangat penting untuk memahami bahasa Arab secara menyeluruh, dan ia boleh ditingkatkan melalui pembacaan, pendengaran, penulisan, dan interaksi secara berterusan.

Begitu juga dengan cabaran melibatkan ungkapan asas dalam bahasa Arab. Item 9 menunjukkan bahawa seramai 233 orang responden (73.3%) menyatakan bahawa ungkapan asas dalam debat bahasa Arab perlu dihimpunkan untuk dijadikan rujukan lengkap. Ini menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah dalam membentuk struktur bahasa yang tepat sehingga memerlukan mereka untuk mendapat sejumlah struktur ungkapan bahasa Arab yang tepat agar dapat digunakan dalam pertuturan. Inilah antara yang dinyatakan oleh Nadwah dan Nadhilah (2014) berkenaan masalah pertuturan bahasa Arab yang boleh dikategorikan kepada lima (5) kategori utama iaitu cabaran tugas, masalah kosa kata, masalah penggunaan struktur bahasa, masalah susunan atau penyampaian idea dan keyakinan diri.

Selain itu, cabaran melibatkan debat bahasa Arab dinyatakan oleh responden berkaitan modul pembelajaran bahasa Arab melibatkan debat adalah terhad dalam pasaran. Ini ditunjukkan pada Item 4 dengan 179 responden (56.3%) “sangat bersetuju” dan “bersetuju” dengan perkara tersebut. Begitu juga respons melibatkan Item 8 melibatkan 142 (44.7%) “sangat bersetuju” dan “bersetuju” bahawa tiada buku rujukan berkaitan bahasa Arab bagi tujuan debat yang komprehensif dalam pasaran semasa. Menurut Mohd Ikhwan, Nur Hadirah, Mohd Shahrizal et al. (2025), cabaran ini memerlukan usaha penambahbaikan dengan penghasilan modul pembelajaran yang selari dengan keperluan pelajar melibatkan debat bahasa Arab. Masalah ini juga berpunca daripada pihak pengajar bahasa Arab yang tidak berusaha mencari bahan baharu atau modul pengajaran dan pembelajaran untuk memenuhi tuntutan dan hasrat pelajar (Hassan Basri & Mohd Azhar, 2005). Penghasilan modul khas pembelajaran bahasa Arab menerusi aktiviti debat juga dilihat dapat membantu pelajar bukan penutur jati dalam menguasai ungkapan-ungkapan dalam bahasa Arab. Ini dinyatakan pada Item 9 dengan 233 responden atau 73.3% responden “sangat bersetuju” dan “bersetuju” bahawa ungkapan asas dalam debat bahasa Arab perlu dihimpunkan untuk dijadikan rujukan lengkap.

Keperluan Penggunaan Modul Debat Bahasa Arab

Jadual 5 berikut memaparkan data-data daripada responden kajian melibatkan sepuluh (10) pernyataan atau item berkaitan keperluan menggunakan modul pembelajaran bahasa Arab melalui debat oleh bukan penutur jati.

Jadual 5: Keperluan Menggunakan Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat

Pernyataan/Item	Kekerapan dan Peratus				
	1	2	3	4	5
	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju

1) Saya perlukan pembelajaran bahasa Arab melalui aktiviti debat.	12 (3.8%)	16 (5.0%)	62 (19.5%)	134 (42.1%)	94 (29.6%)
2) Saya perlukan panduan yang boleh saya gunakan untuk mengubah ayat berdasarkan contoh yang tepat.	3 (0.9%)	9 (2.8%)	41 (12.9%)	138 (43.4%)	127 (39.9%)
3) Saya perlukan nota yang memaparkan contoh-contoh ayat bahasa Arab yang betul.	4 (1.3%)	6 (1.9%)	32 (10.1%)	136 (42.8%)	140 (44.0%)
4) Saya perlukan tips-tips pertuturan bahasa Arab yang mudah untuk dihafal.	4 (1.3%)	7 (2.2%)	31 (9.7%)	123 (38.7%)	153 (48.1%)
5) Saya perlukan membaca maklumat yang ringkas dan padat.	3 (0.9%)	7 (2.2%)	26 (8.2%)	145 (45.6%)	137 (43.1%)
6) Saya perlukan maklumat yang menambah kosa kata dan ungkapan bahasa Arab.	4 (1.3%)	6 (1.9%)	25 (7.9%)	126 (39.6%)	157 (49.4%)
7) Saya perlukan maklumat yang boleh diaplikasi dalam pertuturan bahasa Arab.	4 (1.3%)	6 (1.9%)	29 (9.1%)	125 (39.3%)	154 (48.4%)
8) Saya perlukan maklumat yang tersusun dari peringkat asas kepada kompleks.	3 (0.9%)	7 (2.2%)	35 (11.0%)	128 (40.3%)	145 (45.6%)
9) Saya perlu menghafal ayat-ayat bahasa Arab yang tepat dari segi tatabahasanya.	4 (1.3%)	11 (3.5%)	38 (11.9%)	134 (42.1%)	131 (41.2%)
10) Saya perlu mengetahui perkataan dan ungkapan yang kerap digunakan dalam debat bahasa Arab.	2 (0.6%)	11 (3.5%)	36 (11.3%)	117 (36.8%)	152 (47.8%)

Dapatan daripada Jadual 5 menunjukkan majoriti besar responden memberi maklum balas positif melibatkan respons “sangat bersetuju” dan “bersetuju” terhadap sepuluh (10) item yang ditanya dalam soal selidik. Item 1 menunjukkan seramai 228 responden atau 71.7% “sangat bersetuju” dan “bersetuju” menyatakan bahawa mereka memerlukan pembelajaran bahasa Arab melalui aktiviti debat. Ini menunjukkan minat mereka pada tahap yang tinggi dalam usaha mempelajari bahasa Arab menerusi aktiviti debat. Hal ini bermakna dengan adanya minat, maka motivasi untuk mengetahui sesuatu bahasa juga akan meningkat. Menurut Azhar (2004), faktor motivasi yang berkait rapat dengan minat ditakrifkan sebagai keinginan pelajar untuk mengetahui sesuatu bahasa. Motivasi merupakan perkara penting dalam proses pembelajaran bahasa sepertimana dinyatakan oleh Gardner (1964), bahawa motivasi merupakan suatu sikap positif yang menghasilkan tindakan-tindakan wajar pada kelakuan seseorang. Dalam konteks pembelajaran, motivasi yang dikaitkan sebagai faktor dalaman dapat meningkatkan usaha dan minat pelajar untuk menguasai pelajaran (Mohamad Rofian, Ahmad Redzaudin, Khairatul Akmar et al. 2020).

Maklum balas para responden pada Item 4 menunjukkan bahawa keperluan melibatkan pemeraksanaan kemahiran bertutur disedari oleh majoriti responden. Seramai 153 responden iaitu 48.1% menyatakan bahawa mereka memerlukan tips-tips pertuturan bahasa Arab yang mudah untuk dihafal. Begitu juga dengan Item 7, melibatkan keperluan responden untuk memperoleh maklumat yang boleh diaplikasi dalam pertuturan bahasa Arab. Seramai 154 responden (48.4%) memilih “sangat bersetuju” dan dapatan ini memberi petunjuk jelas bahawa aktiviti debat boleh membantu pelajar untuk meningkatkan tahap kemahiran bertutur dalam bahasa Arab dan hal ini disedari dan diakui oleh majoriti responden kajian. Menurut Siti Salwa, Norasyikin, Nurazan et al. (2021), kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Arab berpunca daripada beberapa faktor antaranya kelemahan kurikulum bahasa Arab, kekurangan penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang membantu merangsang kemahiran bertutur pelajar dalam pelbagai aspek, serta ketidaksesuaian aktiviti bahasa yang digunakan oleh guru atau pengajar untuk mengajar kemahiran bertutur. Justeru, perkara ini dilihat dapat diselesaikan sekiranya dapat dibangunkan satu modul pembelajaran yang memberi fokus terhadap usaha meningkatkan tahap penguasaan bertutur dalam bahasa Arab, dan dalam konteks kajian ini ia menjurus kepada aktiviti debat bahasa Arab.

Selain itu, majoriti responden dilihat turut menyatakan persetujuan melibatkan keperluan menguasai kosa kata dan ungkapan asas dalam bahasa Arab yang dapat diperoleh menerusi aktiviti debat bahasa Arab. Ini dapat dilihat berdasarkan respons yang diberikan melibatkan Item 3, Item 6, Item 9 dan Item 10 dengan peratusan memilih jawapan “sangat

bersetuju” bagi kesemua item melebihi 40%. Justeru, keperluan yang dinyatakan oleh pelajar bahasa Arab perlu diberi perhatian kerana hal ini dapat membentuk persepsi positif dalam diri mereka untuk terus mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Menurut Rosni, Aishah, Khairul Asyraf et al. (2023), persepsi pelajar yang positif terhadap kepentingan penggunaan bahan terbaik dalam pembelajaran bahasa Arab akan membantu dalam penguasaan bahasa dari sudut suntikan minat dan motivasi, penguasaan kosa kata, frasa dan pola ayat.

Kecenderungan Menggunakan Modul Debat dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Jadual 6 berikut memaparkan data-data daripada responden kajian melibatkan sepuluh (10) pernyataan atau item berkaitan kecenderungan responden tentang penggunaan modul pembelajaran bahasa Arab melalui debat.

Jadual 6: Kecenderungan Penggunaan Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat

Pernyataan/Item	Kekerapan dan Peratus				
	1 Sangat tidak setuju	2 Tidak setuju	3 Tidak pasti	4 Setuju	5 Sangat setuju
1) Saya percaya Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat dapat meningkatkan kefahaman tentang debat dalam bahasa Arab.	4 (1.3%)	10 (3.1%)	47 (14.8%)	115 (36.2%)	142 (44.7%)
2) Saya percaya Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat dapat menambah motivasi diri untuk bertutur dalam bahasa Arab.	4 (1.3%)	7 (2.2%)	50 (15.7%)	107 (33.6%)	150 (47.2%)
3) Saya percaya Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat boleh meningkatkan keyakinan dalam pertuturan bahasa Arab (Contohnya, ketika pembentangan dalam kelas).	3 (0.9%)	12 (3.8%)	37 (11.6%)	116 (36.5%)	150 (47.2%)
4) Saya percaya Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat menambah	3 (0.9%)	7 (2.2%)	44 (13.8%)	117 (36.8%)	147 (46.2%)

	penguasaan kosa kata dengan lebih cepat.					
5)	Saya percaya Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat membantu untuk mempraktikkan ungkapan bahasa Arab dengan lebih baik.	3 (0.9%)	9 (2.8%)	44 (13.8%)	114 (35.8%)	148 (46.5%)
6)	Saya percaya Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat menambahkan fokus dalam pembelajaran bahasa Arab.	4 (1.3%)	9 (2.8%)	45 (14.2%)	117 (36.8%)	143 (45.0%)
7)	Saya percaya Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat menjadikan proses penguasaan bahasa Arab menjadi lebih efektif (mengurangkan kesalahan bahasa ketika saya bertutur dalam bahasa Arab).	4 (1.3%)	8 (2.5%)	48 (15.1%)	115 (36.2%)	143 (45.0%)
8)	Saya percaya Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat memberi motivasi untuk melibatkan diri dalam aktiviti debat Bahasa Arab.	4 (1.3%)	10 (3.1%)	47 (14.8%)	112 (35.2%)	145 (45.6%)
9)	Saya percaya Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan.	4 (1.3%)	12 (3.8%)	39 (12.3%)	115 (36.2%)	148 (46.5%)
10)	Saya percaya Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat dapat membantu saya bertutur seperti penutur jati.	4 (1.3%)	8 (2.5%)	47 (14.8%)	115 (36.2%)	144 (45.3%)

Jadual 6 memaparkan dapatan kajian mengenai kecenderungan responden tentang penggunaan modul pembelajaran bahasa Arab melalui debat. Majoriti responden didapati menyatakan kecenderungan yang sangat positif tentang modul pembelajaran bahasa Arab menerusi aktiviti

debat dengan kesemua item mencatatkan pilihan “sangat bersetuju” melebihi 40%. Kecenderungan ini menunjukkan bahawa majoriti responden meletakkan harapan yang tinggi terhadap keperluan penghasilan sebuah modul pembelajaran bahasa Arab yang dikaitkan dengan aktiviti debat. Hal ini jelas menunjukkan kebaikan aktiviti debat dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Menurut Nuraisyatul dan Sueraya (2024), aktiviti debat memberikan peluang yang baik kepada pelajar bukan sahaja untuk mempraktikkan penggunaan bahasa Arab, malah untuk mempertingkatkan keyakinan diri, meningkatkan motivasi, serta memiliki kemahiran insaniah yang baik.

Keperluan modul bahasa Arab berdasarkan debat berkisar kepada peningkatan kemahiran berbahasa terutamanya pertuturan melalui aplikasi praktikal, penguasaan kosa kata khusus perdebatan, pemahaman struktur hujah (mukadimah, isi, penutup), serta penekanan kepada tatabahasa dan morfologi untuk menyusun hujah dengan tepat, sambil melatih keyakinan diri dan kemahiran berfikir kritis dalam bahasa Arab. Kandungan modul ini perlu merangkumi strategi debat, contoh hujah, dan latihan berterusan untuk mengaplikasikan kemahiran berbahasa Arab secara berkesan dalam konteks perdebatan. Inilah perkara yang dibahaskan oleh Mohd Ikhwan, Nur Hadirah, Mohd Shahrizal et al. (2025) dalam kajian mengenai keperluan penghasilan sebuah modul pembelajaran bahasa Arab berasaskan aktiviti debat.

Kesemua item dalam Jadual 6 menjelaskan tentang kecenderungan pelajar yang melihat bahawa modul bahasa Arab melibatkan aktiviti debat dapat meningkat kefahaman dan penguasaan tentang bahasa Arab, menambah motivasi dan keyakinan, serta memperbaiki kelemahan diri berkaitan kemahiran berbahasa Arab khususnya melibatkan kemahiran bertutur. Sebagai contoh melibatkan aspek motivasi, Item 2 menunjukkan seramai 150 responden (47.2%) memilih “sangat bersetuju” bahawa modul pembelajaran bahasa Arab melalui debat dapat menambah motivasi diri untuk bertutur dalam bahasa Arab.

Begitu juga dengan Item 9 dengan 263 responden (82.7%) “sangat bersetuju” dan “bersetuju” bahawa modul pembelajaran bahasa Arab melalui debat dapat menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan. Kesemua dapatan ini menjelaskan kesimpulan bahawa kewujudan modul pembelajaran bahasa Arab berasaskan aktiviti debat dapat meningkatkan motivasi pembelajaran dalam diri pelajar. Menurut Rahimah, Hawa, Muhammad Hafizzudin et al. (2024), bahan bantu mengajar termasuk modul pembelajaran seharusnya mampu menarik minat pelajar bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Penghasilan modul pengajaran bahasa Arab yang bermutu dan menepati keperluan pelajar mampu menyelesaikan beberapa permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab seperti yang pernah diutarakan dalam kajian Rosni (2012).

Reka Bentuk Modul Debat Bahasa Arab

Jadual 7 berikut memaparkan data-data daripada responden kajian melibatkan dua belas (12) pernyataan atau item berkaitan cadangan terhadap reka bentuk pembelajaran bahasa Arab menerusi debat.

Bahagian 7: Cadangan Reka Bentuk Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat

Pernyataan/Item	Kekerapan dan Peratus				
	1 Sangat tidak setuju	2 Tidak setuju	3 Tidak pasti	4 Setuju	5 Sangat setuju
1) Maklumat yang dipaparkan khusus untuk pelajar bahasa Arab daripada bukan penutur jati.	1 (0.3%)	17 (5.3%)	78 (24.5%)	113 (35.5%)	109 (34.3%)
2) Maklumat yang dipaparkan melibatkan perkara-perkara asas dalam debat bahasa Arab.	1 (0.3%)	11 (3.5%)	57 (17.9%)	119 (37.4%)	130 (40.9%)
3) Maklumat yang dipaparkan sesuai dengan topik umum dalam debat bahasa Arab.	0 (0%)	11 (3.5%)	48 (15.1%)	129 (40.6%)	130 (40.9%)
4) Setiap topik perlu disertakan dengan latihan/latih tubi.	0 (0%)	12 (3.8%)	44 (13.8%)	125 (39.3%)	137 (43.1%)
5) Modul dilengkapi dengan dengan video-video pendek berkaitan ungkapan asas dalam debat bahasa Arab.	0 (0%)	14 (4.4%)	40 (12.6%)	131 (41.2%)	133 (41.8%)
6) Pemilihan warna tulisan, ikon dan grafik perlu menarik dan sesuai.	0 (0%)	9 (2.8%)	46 (14.5%)	114 (35.8%)	149 (46.9%)
7) Contoh-contoh ungkapan disediakan bagi memudahkan penghafalan.	0 (0%)	11 (3.5%)	37 (11.6%)	118 (37.1%)	152 (47.8%)
8) Paparan muka (layout) menarik dan sesuai.	0 (0%)	13 (4.1%)	43 (13.5%)	111 (34.9%)	151 (47.5%)
9) Kandungan turut disertakan dengan	0 (0%)	14 (4.4%)	44 (13.8%)	119 (37.4%)	141 (44.3%)

	infografik yang dipelbagaikan seperti carta, peta minda, penomboran serta perbandingan.					
10)	Maklumat turut menyertakan kesalahan-kesalahan dalam pertuturan dan perdebatan bahasa Arab.	0 (0%)	15 (4.7%)	42 (13.2%)	105 (33.0%)	156 (49.1%)
11)	Pengulangan kosa kata dan ungkapan agar dapat mudah dikuasai.	0 (0%)	12 (3.8%)	43 (13.5%)	115 (36.2%)	148 (46.5%)
12)	Kandungan dipersembahkan dalam bentuk interaktif.	0 (0%)	9 (2.8%)	50 (15.7%)	113 (35.5%)	146 (45.9%)

Jadual 7 memaparkan dapatan daripada respons berkaitan cadangan terhadap reka bentuk pembelajaran bahasa Arab menerusi debat. Item 1 menunjukkan bahawa majoriti besar responden iaitu 222 orang (69.8%) “sangat bersetuju” dan “bersetuju” bahawa modul yang dihasilkan adalah khusus untuk pelajar bahasa Arab daripada bukan penutur jati. Ini dilihat sebagai satu persetujuan yang mencerminkan hasrat majoriti responden agar modul meraikan keperluan pelajar daripada kalangan bukan penutur jati atau bukan orang Arab. Selain itu, Item 2 dan Item 3 menjurus kepada maklum balas responden yang menyatakan bahawa modul mestilah berkait dengan perkara asas dalam debat bahasa Arab. Bagi setiap item tersebut, seramai 130 responden atau 40.9% memilih “sangat bersetuju” bahawa modul perlu memberi fokus terhadap perkara asas dalam aktiviti debat bahasa Arab serta melibatkan topik umum dalam debat bahasa Arab. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada kalangan pelajar kumpulan pertengahan yang terlibat dengan aktiviti debat bahasa Arab.

Bagi mendapatkan modul pembelajaran yang terbaik, pembinaan modul bergantung kepada jenis pembelajaran seperti kursus dan latihan kemahiran serta masa atau tempoh sesuatu latihan dan pembelajaran dilaksanakan. Oleh itu, pendekatan latihan tubi juga diberi perhatian yang tinggi oleh para responden kajian. Seramai 262 responden (82.4%) memilih “sangat bersetuju” dan “bersetuju” mengenai topik dalam kandungan modul perlu disertakan dengan latihan atau latihan tubi. Menurut Rahimah, Hawa, Muhammad Hafizzudin et al. (2024), sesebuah modul pembelajaran yang baik perlu menekankan aspek penguasaan empat (4) kemahiran bahasa menerusi pelbagai bentuk aktiviti dan latihan sama ada secara sendiri ataupun berkumpulan.

Dari aspek persembahan modul, persembahan kandungan modul yang menarik perlu diberi perhatian sepertimana dapatan yang dinyatakan oleh responden kajian. Item 6 menunjukkan 263 responden (82.7%) memilih “sangat bersetuju” dan “bersetuju” bahawa kandungan modul perlu menitikbertatkan tentang pemilihan warna tulisan, ikon dan grafik yang menarik dan sesuai. Begitu juga dengan kandungan yang bercirikan infografik yang boleh menarik minat pelajar. Ini sepertimana dinyatakan pada Item 9 dengan majoriti responden iaitu 141 orang (44.3%) memilih “sangat bersetuju” bahawa kandungan modul turut disertakan dengan infografik yang dipelbagaikan seperti carta, peta minda, penomboran serta perbandingan. Menurut Mohd Fauzi, Zulazhan dan Muhammad Sabri (2020), sesebuah modul pembelajaran bahasa Arab yang mengandungi elemen infografik sangat berkesan kerana ia mempermudah konsep rumit seperti tatabahasa Arab melalui visual menarik, meningkatkan daya ingatan, menjadikan pembelajaran lebih interaktif dan menyeronokkan, serta membantu pelajar memahami struktur ayat dan perbendaharaan kata dengan lebih cepat, menjadikannya kaedah pengajaran yang moden dan efektif.

PENUTUP

Berdasarkan hasil dapatan kajian dan perbincangan mengenainya, dapat disimpulkan bahawa majoriti responden memberi respons yang positif terhadap pembelajaran bahasa Arab bagi bukan penutur jati melibatkan aktiviti debat. Dapatan kajian menunjukkan persepsi responden terhadap kebaikan aktiviti debat dalam usaha mempelajari dan menguasai bahasa Arab adalah sangat baik. Isu dan permasalahan yang diketengahkan daripada dapatan maklum balas responden menunjukkan aktiviti debat mampu menjadi alternatif terbaik dalam usaha mempelajari bahasa Arab sebagai satu bahasa asing bagi pelajar bukan penutur jati. Semua perkara yang dilihat sebagai keperluan bagi pelajar bukan penutur jati menguasai bahasa Arab dapat dipenuhi menerusi pendekatan aktiviti debat bahasa Arab. Ini juga diserlahkan dengan dapatan yang menunjukkan kecenderungan tinggi para responden terhadap penghasilan modul pembelajaran bahasa Arab berasaskan aktiviti debat dengan penekanan terhadap kemahiran bertutur menjadi keutamaan para pelajar. Begitu juga dengan reka bentuk modul atau kandungan modul pembelajaran bahasa Arab berasaskan aktiviti debat perlu diberi penekanan khusus melibatkan persembahan kandungan yang menekankan elemen infografik dan bersifat interaktif agar proses pembelajaran dapat mencapai objektif pembelajaran melibatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab.

PENGHARGAAN

Pihak penyelidik merakamkan penghargaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang telah membiayai kajian ini menerusi Jamalullail Responsible Research Grant Scheme (JRRGS), nombor geran JRRGS24-001-0001.

RUJUKAN

- Abdullah, A. H., Fitriyana, A. & Alfian, M. (2021). Analisis Kesalahan Sintaksis dan Morfologi pada Video Lomba Debat Bahasa Arab. *EL-IBTIKAR: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 10(1), 51-71.
- Abdul Hamid, M. (2015). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Allwright, R. L. (1984). The Importance of Interaction in Classroom Language Learning. *Applied Linguistics*, 5(2), 156-171.
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *GEMA Online@Journal of Language Studies*, 12(2), 645-666.
- Azhar Arsyad. (2004). *Bahasa Arab dan Metode Pengajarannya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Harun, M. & Zawawi, I. (2018). Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 8(2), 45-58.
- Hassan Basri, A. M. D. & Mohd Azhar, Z. (2005). Pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus: Satu Pandangan Awal. *Masalah Pendidikan*, 233-244.
- Hasnurol Hashim, Kaseh Abu Bakar & Maheram Ahmad. (2020). *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 21, 160-174.
- Kaseh, A. B., Nur Adibah, A. & Atiyyah, A. M. (2021). Debate in Communicative Arabic as a Foreign Language Learning. *BITARA: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(3), 165-177.
- Kennedy, R. R. (2007). In-Class Debates: Fertile Ground for Active Learning and the Cultivation of Critical Thinking and Oral Communication Skills. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 19(2), 183-190.

- al-Khuli, M. A. (2000). *Asalib Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah*. Riyadh: Dar al-Falah.
- Kripps, A. (2013). Vocabulary Building for Arab Learners. *TESOL Arabia Perspectives*, 21(3), 14-21.
- Melissa, N. L. Y. A. (2010). *Self-Regulated Learning: Theory and Application*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latifs, Fahed Maromar & Saupi Man. (2020). Hubungan antara Faktor Dalaman dan Faktor Luaran dalam Mempengaruhi Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 2(1), 1-11.
- Mohd Fauzi Abdul Hamid, Zulazhan Ab. Halim & Muhammad Sabri Sahrir. (2020). An Insight on Needs Analysis towards the Development of Animated Infographic Module in Arabic Grammar Learning. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 16(3), 1387-1401.
- Mohd Ikhwan, A., Nur Hadirah, H. A. B., Mohd Shahrizal, N., Ku Mohd Syarbaini, K. Y. & Mohamad Ikmal Hakimi, M. H. (2025). Analisa Keperluan Modul Pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Debat. *Afaq Lughawiyah*, 3(2), 239-255.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan dalam Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 14(1), 117-133.
- Nuraisyatul Khalilah Mohd Naim & Sueraya Che Haron. (2024). Arabic Debate and its Impact on Arabic Speaking Skills. *AL-QANATIR: International Journal of Islamic Studies*, 33(3), 235-244.
- Panadero, E. & Alonso-Tapia, J. (2014). How do Students Self-Regulate? Review of Zimmerman's Cyclical Model of Self-Regulated Learning. *Anales De Psicología*, 30, 450-462.
- Pintrich, P. R. (2000). Multiple Goals, Multiple Pathways: The Role of Goal Orientation in Learning and Achievement. *Journal of Educational Psychology*, 92(3), 544-555.
- Rahimah Abd Rahman, Hawa Alias, Muhammad Hafizzudin Zakaria & Nurul Wardah Nazifah Razali. (2024). Pembangunan dan Kebolegunaan Modul Bahasa Arab "Marhaban" Berteraskan CEFR (Tahap A1 & A2). *SIBAWAYH: Arabic Language and Education*, 5(2), 60-74.

- Richards, J. C., & Rodgers, T. S. (2014). *Approaches and Methods in Language Teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Rosni Samah. (2012). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Universiti Kebangsaan Malaysia, 6 Julai.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari & Amizan Helmi Mohamad. (2013). Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam Kalangan Jurulatih Debat. *GEMA Online@Journal of Language Studies*, 13(2), 99-116.
- Rosni Samah, Aishah Isahak, Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohamad Yazid Abdul Majid, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi & Hishomudin Ahmad. (2023). Kepentingan Bahan Sastera dalam Pembelajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(10), 1-15.
- Siti Salwa Mohd Noor, Norasyikin Osman, Nurazan Mohmad Rouyan, Norhayati Che Hat & Khoirun Nisak Mat Saad. (2021). Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Luar Kelas dalam Kalangan Penutur Bukan Asli Bahasa Arab. *BITARA: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2), 59-69.
- Snider, A. & Schnurer, M. (2002). *Many Sides: Debate Across the Curriculum*. New York: International Debate Education Association.
- Tu'aymah, R. A. (2004). *al-Maharat al-Lughawiyah: Mustawiyatuha, Tadrisuha, Su'ubatuha*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Zimmerman, B. J. (1990). Self-Regulated Learning and Academic Achievement: An Overview. *Educational Psychologist*, 25(1), 3-17.